

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MENGALIHKAN SEPENUHNYA STRUKTUR GUDANG DARI SEBAHAGIAN TAPAK DEPO KONTENA MBSP DI ATAS SEBAHAGIAN PT 545, MUKIM 14, JALAN BAGAN LALANG, SPU

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut :-

- (i) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
- (ii) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) dengan mengemukakan surat permohonan kepada MBSP untuk melaksanakan kerja-kerja mengalihkan struktur gudang MBSP di Bagan Lalang, SPU. Pemohon perlu mengemukakan nama seperti di dalam kad pengenalan atau nama syarikat, salinan pendaftaran syarikat yang terkini, alamat terkini, nombor telefon yang dapat dihubungi, kadar bidaan, tujuan bidaan, tempoh masa kerja pengalihan bangunan gudang dan pemohon dikehendaki menyertakan bank draf bersamaan nilai 10% dari kadar bidaan untuk dikepilkkan bersama-sama surat permohonan;
- (iii) Pemohon juga bolehlah mengemukakan bukti sah pengalihan yang ada di dalam bidang berkaitan dan bukti kedudukan kewangan yang kukuh individu atau syarikat;
- (iv) Setiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimeteraikan. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP bermula pada **27 Januari 2026 hingga 27 Februari 2026 (sebelum jam 12.00 tengahari)**;
- (v) Setiap pemohon perlulah mencatatkan perkataan 'Permohonan Untuk Melaksanakan Kerja-Kerja Mengalihkan Sepenuhnya Struktur Gudang Daripada Tapak MBSP Di Atas Sebahagian PT 545, Mukim 14, Jalan Bagan Lalang, SPU' di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
- (vi) Kadar rezab yang ditetapkan ialah **RM1.8 JUTA** Walau bagaimanapun pemohon-pemohon boleh mengemukakan apa-apa kadar/amaun yang bersesuaian;
- (vii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menanggung segala kos-kos yang melibatkan kerja pengalihan struktur gudang MBSP tersebut;
- (viii) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan tidak berlaku kesesakan aliran lalulintas akibat aktiviti-aktiviti pengalihan struktur gudang yang dijalankan. Pemohon yang berjaya dikehendaki mematuhi sepenuhnya kehendak serta syarat-

syarat yang berkaitan dengan aliran lalu lintas seperti yang ditetapkan oleh MBSP dan Tetuan Rapid Bus Sdn. Bhd.;

- (ix) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan aktiviti-aktiviti pengalihan struktur gudang yang dijalankan tidak menimbulkan apa-apa kacau ganggu atau pencemaran bunyi atau bau kepada penduduk di sekitarnya. Kerja-kerja pengalihan juga hendaklah mengutamakan keselamatan nyawa serta harta benda;
- (x) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan kebersihan tapak pada setiap masa dalam keadaan terurus dan bebas daripada sisa-sisa binaan dan lain-lain kekotoran;
- (xi) Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan membuang air basuhan atau apa-apa sisa buangan ke dalam longkang atau di sekitar kawasan kerja semasa melaksanakan pengalihan struktur gudang dan hendaklah memastikan pengaliran air lot-lot bersebelahan tidak terjejas akibat kerja-kerja pengalihan gudang ini. Semua selenggaraan dan pembersihan adalah di bawah tanggungjawab pemohon yang berjaya;
- (xii) Pemohon yang berjaya dikehendaki membaiki semula segala kerosakan yang berlaku ke atas jalan dan parit semasa kerja-kerja pengalihan struktur gudang dijalankan (menurap semula mengikut spesifikasi JKR);
- (xiii) Pemohon yang berjaya hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MBSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa kerja-kerja pengalihan struktur gudang di tapak tersebut;
- (xiv) Pemohon yang berjaya dikehendaki mengambil Polisi Insurans Tanggungan Awam semasa melaksanakan kerja-kerja;
- (xv) MBSP hendaklah dilepaskan daripada tuntutan pihak ketiga di atas apa-apa masalah yang timbul akibat kerja-kerja pengalihan struktur gudang berkenaan. Pemohon yang berjaya hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa kemalangan atau malapetaka yang menimpa pekerja atau orang awam atau harta benda awam berpunca daripada kecuaiannya pemohon yang berjaya;
- (xvi) Pemohonan ini adalah tertakluk kepada konsep "**As Is Where Is Basis**". Segala kos pembersihan tapak, kos pengalihan, penyenggaraan tapak, kos pembaikan, kos pengurusan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pemohon yang berjaya;
- (xvii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani akuan penerimaan dengan MBSP bagi melaksanakan kerja-kerja pengalihan struktur gudang MBSP tersebut dan menanggung sepenuhnya segala kos penyediaan dokumen. Dokumen

tersebut adalah dianggap sebuah kontrak antara pemohon yang berjaya dan MBSP;

- (xviii) Semua pemohon yang berminat boleh melaksanakan pemeriksaan premis gudang dengan membuat temujanji dengan Tetuan Rapid Bus Sdn. Bhd. bermula 27 Januari 2026 hingga 27 Februari 2026 (sebelum jam 12 tengahari);
- (xix) Setiap pemohon dikehendaki mengemukakan bank draf bersamaan nilai 10% daripada nilai bidaan bagi cadangan mengalihkan struktur gudang MBSP tersebut. Bank draf hendaklah diletakkan di atas nama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan dikepilkan bersama-sama surat permohonan;
- (xx) MBSP akan memulangkan bank draf bagi pemohon yang tidak berjaya tanpa sebarang bayaran faedah dalam tempoh tidak lebih tiga (3) bulan daripada tarikh keputusan dibuat oleh MBSP;
- (xxi) Pemohon yang berjaya sahaja dikehendaki menjelaskan 90% daripada bayaran bidaan kepada MBSP dalam tempoh 1 minggu daripada surat tawaran MBSP dikeluarkan. Sekiranya gagal, MBSP akan mencairkan sepenuhnya bayaran bank draf sebanyak 10% yang dikeluarkan oleh pemohon yang berjaya sebelum ini. Tiada apa-apa rayuan akan dipertimbangkan oleh MBSP berkaitan perkara ini;
- (xxii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menyegerakan kerja-kerja mengalihkan keseluruhan struktur gudang dalam tempoh maksima 60 hari daripada tarikh surat tawaran dipersetujui oleh pemohon yang berjaya. Sekiranya kerja-kerja mengalihkan struktur gudang gagal disiapkan dalam tempoh 60 hari maka MBSP akan mengenakan denda sebanyak RM5,000 bagi setiap hari kelewatan;
- (xxiii) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan keseluruhan binaan gudang dialihkan sepenuhnya daripada tapak MBSP dan kesemua sisa-sisa hendaklah dialih keluar daripada tapak MBSP dan tapak MBSP tersebut hendaklah dalam keadaan bersih dan teratur;
- (xxiv) Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan pelan pelaksanaan kerja-kerja mengalihkan gudang dan menyelaraskan pelan pelaksanaan tersebut dengan Tetuan Prasarana Malaysia Berhad serta wakil-wakilnya bagi memastikan kerja-kerja pengalihan struktur gudang berjalan dengan lancar dan selamat;
- (xxv) Pemohon yang berjaya dikehendaki memastikan kerja-kerja pengalihan struktur gudang dilaksanakan dengan selamat dan apa-apa kerosakan pada struktur bangunan berhampiran atau kenderaan milik Tetuan Prasarana Malaysia Berhad hendaklah ditangani sepenuhnya oleh pemohon yang berjaya; dan
- (xxvi) Syarat-syarat lain yang akan ditentukan oleh MBSP.



**PELAN LOKASI TAPAK YANG SEDANG DISEWA OLEH
TETUAN PRASARANA MALAYSIA BERHAD**

**KOORDINAT TAPAK
(5.422543, 100.397875)**



PELAN TAPAK YANG SEDANG DISEWA OLEH
TETUAN PRASARANA MALAYSIA BERHAD BERTANDA WARNA MERAH

KOORDINAT TAPAK
(5.422543, 100.397875)



**GAMBAR FOTO TAPAK YANG SEDANG DISEWA OLEH
TETUAN PRASARANA MALAYSIA BERHAD**



BANNER DI TAPAK